

Bush, Rumsfeld perlu letak jawatan serta-merta — Dr. M

Oleh AZMAN ISMAIL

KUALA LUMPUR 9 Mei — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush dan Setiausaha Pertahanannya, Donald Rumsfeld perlu meletakkan jawatan serta-merta jika mereka benar-benar ikhlas memohon maaf terhadap kekejaman tentera negara itu di Iraq.

Menurutnya, kenyataan maaf yang masih berlapik kedua-dua pemimpin itu membuktikan mereka hanya meminta maaf sekadar

UM - 10/5/2004 : 1

mengelabui masyarakat antarabangsa dan keluarga tahanan Iraq di beberapa penjara di negara Teluk itu.

“Kalau orang lain mesti letak jawatan dan kalau ikut orang Jepun mereka mesti telah lakukan bunuh diri (harakiri) sebagai rasa tanggungjawab dan menyesal terhadap perbuatan mereka.

“Mereka ini kata minta maaf tapi di Iraq dan Afghanistan orang masih kena bunuh dan didera tapi mereka buat tidak tahu,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penghargaan 22 tahun sebagai Perda-

na Menteri anjuran Sunrise Berhad di Plaza Mont Kiara di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas permohonan maaf Bush dan Rumsfeld kepada rakyat Iraq akibat kekejaman tentera AS dan Britain kepada tahanan Iraq di penjara Abu Gharib.

Bush memohon maaf untuk pertama kali Jumaat lalu kerana penderaan dan penghinnaan yang dialami oleh tahanan rakyat Iraq. Rumsfeld pula memohon maaf kepada Kongres AS kerana tidak memaklumkan kepada mereka mengenai penderaan itu.